StarDream Cruises Raih Anugerah *"Pengalaman Pelayaran Serantau Terbaik"* di BusinessToday Industry Choice Awards 2026.

Menggabungkan destinasi menarik di Asia dengan pengalaman percutian pelayaran yang istimewa.



28 Oktober 2026: Presiden StarDream Cruises, Encik Michael Goh (kanan), menerima anugerah "Pengalaman Pelayaran Serantau Terbaik (Best Regional Cruise Experience)" di BusinessToday Industry Choice Awards 2026 yang berlangsung di Kuala Lumpur, Malaysia.

2 November 2026 (Kuala Lumpur, Malaysia) – StarDream Cruises, yang menaungi jenama **StarCruises dan Dream Cruises**, telah menerima anugerah *Pengalaman Pelayaran Serantau Terbaik (Best Regional Cruise Experience)* di **BusinessToday Industry Choice Awards 2026** yang berlangsung di Kuala Lumpur baru-baru ini. Anugerah ini mengiktiraf kecemerlangan dan inovasi dalam pelbagai industri, dengan pemenang ditentukan melalui undian profesional industri, pemimpin perniagaan serta anggota komuniti perniagaan.

> *"Bagi pihak StarDream Cruises, kami berbesar hati menerima pengiktirafan ini. Sebagai jenama pelayaran yang berakar umbi di Asia dengan pengalaman lebih 30 tahun di rantau ini, kami kekal komited untuk menawarkan peluang kepada para pelancong menerokai kepelbagaian destinasi dan budaya Asia melalui pelayaran. Kami menghargai kepercayaan dan sokongan berterusan daripada para tetamu, rakan niaga, kakitangan dan kru kami,"* kata **Encik Michael Goh, Presiden StarDream Cruises**.

Sehingga kini, kapal-kapal di bawah **StarDream Cruises** telah **belayar ke lebih 50 destinasi di seluruh Asia** menerusi dua jenamanya, **StarCruises dan Dream Cruises**. Selain mengunjungi pelbagai destinasi, para tetamu juga boleh menikmati pelbagai pilihan sajian, termasuk hidangan yang diperakui halal bagi kapal persiaran tertentu, hiburan dan aktiviti riadah sepanjang pelayaran.

Menerokai Malaysia, ASEAN dan Destinasi Lain di Asia

StarDream Cruises menawarkan pelbagai pilihan pelayaran ke destinasi di Asia Tenggara dan Asia Timur Laut, dengan tempoh perjalanan yang berbeza bagi memenuhi pelbagai pilihan percutian.

Di bawah jenama **Dream Cruises**, kapal persiaran utamanya, *Genting Dream*, beroperasi sepanjang tahun belayar dari Singapura, dan turut menawarkan pelayaran tambahan dari Kuala Lumpur (melalui Pelabuhan Klang) dan Melaka. Para tetamu boleh menikmati pelbagai kemudahan dan aktiviti di atas kapal persiaran, serta mengunjungi destinasi popular seperti belayar ke Phuket, Bali, Pulau Pinang, Melaka dan destinasi lain di rantau ini.

StarCruises pula menawarkan pelayaran percutian di atas kapal persiaran bersaiz sederhana, *Star Voyager* dan *Star Navigator* ke destinasi-destinasi menarik di Asia. Berlepas dari Singapura dan Kuala Lumpur (melalui Pelabuhan Klang), *Star Voyager* menawarkan pelayaran ke destinasi seperti Phuket, Krabi, Pulau Pangkor dan Langkawi. Sementara itu, *Star Navigator* beroperasi sepanjang tahun belayar dari Keelung di Taiwan, dengan pelayaran terpilih dari Kaohsiung ke pelbagai destinasi di Jepun, Korea Selatan dan Hong Kong.

Selain menerokai pelbagai destinasi, para tetamu juga boleh menikmati sajian dengan cita rasa serantau, program bertemakan tempatan dan antarabangsa serta pelbagai pilihan hiburan di atas kapal. Antaranya termasuk acara istimewa *Red Carpet Gala*, produksi antarabangsa seperti *Forever Broadway*, serta persembahan khas oleh personaliti kecergasan **Amotti** dan kumpulan K-pop wanita **KIIRAS**.

Pengiktirafan ini mencerminkan komitmen berterusan **StarDream Cruises** untuk menawarkan pilihan percutian yang menggabungkan penerokaan destinasi di rantau ini dengan pelbagai sajian, hiburan dan aktiviti di atas kapal persiaran, sekali gus memberi lebih banyak peluang kepada para pelancong untuk menikmati Asia melalui pelayaran.
Untuk maklumat lanjut dan tempahan, layari www.StarDreamCruises.com.

StarDream Cruises: Peneraju Pelayaran yang Paling Mengenali Asia.

StarDream Cruises menghimpunkan lebih tiga dekad pengalaman dalam industri pelayaran dan hospitaliti, dengan pelbagai pelayaran merentasi Asia serta ke destinasi pilihan di rantau ini dan sekitarnya. StarDream Cruises menampilkan dua jenama ikonik — **StarCruises dan Dream Cruises** — masing-masing dengan identiti tersendiri yang mencerminkan pengalaman pelayaran yang unik, sambil meneruskan warisan dan kepakaran yang telah dibina sejak sekian lama dalam industri ini.

StarCruises menawarkan pengalaman pelayaran yang berteraskan penerokaan, membawa tetamu ke pelbagai destinasi di atas kapal bersaiz sederhana, *Star Voyager* dan *Star Navigator*. Dengan kapasiti sekitar 2,000 tetamu, kapal-kapal ini menawarkan suasana pelayaran yang lebih intim, sambil belayar merentasi Asia Tenggara, Asia Timur Laut dan destinasi lain. Ini memberi peluang kepada para tetamu untuk meneroka lebih banyak tempat dan menikmati pengalaman baharu sepanjang pelayaran.

Seiring dengan itu, **Dream Cruises** menawarkan pengalaman pelayaran yang lebih luas dan pelbagai, dengan kapal persiaran yang lebih besar dan berkapasiti 3,500 tetamu atau lebih. Tetamu boleh menikmati pelbagai pilihan hiburan, sajian, aktiviti riadah dan pengalaman di atas kapal. *Kapal utamanya, Genting Dream*, beroperasi dari Singapura sepanjang tahun, menawarkan pelbagai pelayaran ke destinasi di Asia Tenggara.

Bagi kedua-dua jenama, The Palace menawarkan pengalaman yang lebih mewah dan eksklusif melalui konsep Kapal-Dalam-Kapal, dengan bilik suite yang lebih luas, perkhidmatan butler 24 jam dan pelbagai keistimewaan untuk memberikan keselesaan, privasi dan layanan yang lebih peribadi.